

Headline **Wanita pembawa HIV dituduh cedera pasangan**
Date **17 Feb 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Dunia**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,917 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **36**
Article Size **237 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **5,027**
PRValue **15,082**



Wanita pembawa HIV dituduh cedera pasangan

Nadja Benaissa tak dedah hidap virus sebelum lakukan seks

BERLIN: Penyanyi kumpulan 'No Angels' di Jerman, Nadja Benaissa, 27, dihadapkan ke mahkamah di Darmstadt semalam atas tuduhan 'menyebabkan kecederaan fizikal' selepas gagal memberitahu pasangannya bahawa dia adalah pembawa virus HIV sebelum melakukan hubungan seks.

Perbadanan Penyiaran Britain (BBC) melaporkan, pendakwa Jerman berkata, Nadja mengadakan hubungan seks dengan tiga lelaki tanpa memberitahu mereka bahawa dia menghidap HIV yang boleh menyebabkan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (Aids).

"Nadja amat sedar bahawa hubungan seks yang dilakukan tanpa perlindungan boleh menyebabkan jangkitan virus HIV yang boleh mengakibatkan kematian," kata seorang pegawai pendakwa yang namanya tidak didedahkan.

Jika sabit kesalahan Nadja boleh dijatuhkan hukuman penjara hingga 10 tahun. Nadja ditahan

sebelum mengadakan pertunjukan di Frankfurt pada 11 April tahun lalu selepas disyaki tidur dengan beberapa lelaki antara 2004 dan 2006.

Dia terus ditahan selepas hakim memutuskan ada kemungkinan penyanyi itu akan mengulangi kesalahan jika dibebaskan sementara menunggu perbicaraan.

Bagaimanapun, pada 21 April tahun yang sama, Nadja dibebaskan dengan syarat yang tidak dinyatakan. Peguamnya menegaskan, Nadja tidak wajar dipersalahkan kerana tiada bukti kukuh dia menyebarkan virus itu kepada orang lain.

Nadja yang dilahirkan di Frankfurt pada 26 April 1982, mula mencipta nama apabila menubuhkan kumpulan 'No Angels' yang semua anggotanya adalah wanita.

Mereka mencipta rekod sebagai kumpulan penyanyi wanita yang mencatat jualan album paling laris di Jerman hingga hari ini. - Agensi



Nadja Benaissa